

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : KHAMIS, 11 JUN 2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keputusan Majlis Tanah Negara membenarkan tanah rizab Melayu dipajak kepada orang bukan Melayu tidak dilaksanakan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-61 pada tahun 2005 telah bersetuju supaya cadangan pindaan ke atas Enakmen Rizab Melayu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang membenarkan pajakan kepada bukan Melayu ke atas tanah rizab Melayu dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terlebih dahulu sebelum diikuti oleh negeri-negeri lain.

Lanjutan daripada keputusan MTN tersebut, Kementerian Wilayah Persekutuan telah membuat kajian dan memaklumkan dalam mesyuarat MTN 64 bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan menangguhkan pembentangan pembentangan Rang Undang-Undang Rizab Melayu (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) di Parlimen memandangkan perancangan bagi pembangunan dan mekanisme untuk meningkatkan nilai tanah rizab Melayu telah diambil kira dalam draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020.

Sekian terima kasih.